



کمترین حال احوال اکام

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

ریاضتیک سٹرائلنچ
کمترین حال احوال اکام

2010 - 2014

**RANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
2010-2014**

(Versi Ringkas)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Petikan Titah

“...Di antara usaha yang telah diperkenalkan baru-baru ini ialah program pensejajaran (alignment), di mana setiap kementerian dan jabatan kerajaan perlu menyediakan perancangan strategik organisasi masing-masing supaya usaha-usaha yang dilaksanakan oleh organisasi-organisasi berkenaan akan dapat diselaraskan dengan hasrat wanwasan dan aspirasi Negara yang telah digariskan...”

Petikan Titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke 57 tahun pada 15 Julai 2003

DAFTAR ISI

Kata-Kata Aluan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	i
Kata Sambutan Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama	ii
Kata Pengantar Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama	iii
Visi dan Misi	1
Bidang Fokus Strategik (<i>Strategic Focus Areas</i>)	2
Objektif Strategik Umum	3 - 5
Objektif Strategik Khusus	6
Rangka Kerja	7
Peta Strategik	8
Petunjuk Prestasi Utama (<i>KPI</i>)	9 - 13
Langkah-langkah Seterusnya	14 - 15
Fokus Utama Pelaksanaan Rancangan Strategik	16 - 19



Kata-kata Aluan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah Subhanahu Wato'alo, dengan izin dan rahmatNya jua, buat julung kalinya Kementerian Hal Ehwal Ugama berjaya menyusun dan menerbitkan buku Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014. Penerbitan ini bertujuan untuk menjunjung tinggi titah dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan memperkenalkan strategi baru dan utama serta halatuju dan fokus Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk jangka masa 5 tahun ke hadapan bagi menuju dan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Buku ini menjelaskan konsep dan perancangan strategik Kementerian yang lebih mantap, mengandungi Visi bagi mencapai sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan Allah sebagai imana hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah boginda sempena Hari Raya 'Aidil Adha tahun 1428H/2007M dan bagi mencapai ملَدَّةٌ حُلْيَةٌ وَرَبُّ غَفُورٍ (Negara yang aman ma'mur dan Tuhan Yang Maha Pengampun) sebagai imana firman Allah dalam Surah Saba' ayat 15. Monokola Misi Kementerian pula adalah bagi mendukung dan memelihara Ugama Islam dan kerasmiannya serta memperkembangkannya berdasarkan Hukum Syaria', Perlembagaan, Undang-Undang dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja.

Buku ini akan digunakan untuk menjadi panduan dan rujukan asas kepada warga kerja Kementerian agar dapat menggandakan usaha dan memberi sepenuh tumpuan dalam perlaksanaanya bagi memenuhi ekspektasi masyarakat dalam mendukung dan menjelmakan Visi dan Misi Kementerian.

Saya dengan ikhlasnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tehnich kepada Kumpulan Petugas Rancangan Strategik, yang telah berjaya menyusun dan membentuk rangkakkerja Rancangan Strategik baru Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi tahun 2010-2014. Saya berkeyakinan tinggi bahawa dengan adanya kerjasama yang kukuh dan bersepadu, diadun dengan sikap yang murni dan nilai Islam yang tinggi, Insya Allah, semua yang dirancang akan dapat dilaksanakan dan dicapai menepati sasaran dan target dengan sempurnanya.

Saya berharap agar warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama akan terus berperanan dengan jujur dan ikhlas dan menggunakan potensi mereka seoptima mungkin dan berusaha meningkatkan kemahiran masing-masing, di samping pengurusan yang berwibawa, cekap dan dinamik serta kerjasama dan komitmen padu dari rakan strategik Kementerian ini, dan kita, insya Allah akan mendapat hasil yang baik dan sempurna dari strategi yang dirancang, marilah kita bekerja dengan ikhlasnya dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wa ta'alo.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin,
Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam
Jomadilawal 1431 / Mei 2010



Kata Sambutan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

Alhamdulillah, pelan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014 ini menepati dua matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; dan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian, Kementerian Hal Ehwal Ugama turut menyumbang bagi tercapainya matlamat Wawasan Brunei tersebut.

Dalam masa lima tahun (2010-2014), akan memberikan penumpuan kepada enam bidang fokus strategik yang utama iaitu Pendidikan Ugama Berkesan, Amar Ma'ruf Nahi Munkar, Keselamatan Sosial Terjamin, Undang-Undang Negara Memenuhi Kehendak Syarak, Pemakanan dan Barang Gunaan Adalah Halal dan Suci, dan Perkhidmatan Berkualiti dan Cemerlang. Melalui persekolahan ugama yang diwajibkan kepada kanak-kanak yang berumur tujuh tahun ke atas dijangka dapat mengukuhkan lagi usaha melahirkan masyarakat Islam yang menghayati nilai-nilai dan ajaran Islam. Melalui institusi da'wah dan syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan dapat menyeborluaskan Islam yang dinamik di negara ini dan seterusnya menyumbang kepada perkembangannya di peringkat serantau dan antarabangsa. Kementerian Hal Ehwal Ugama juga berusaha akan memantapkan lagi pegangan masyarakat terhadap Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, memperbaiki pengurusan ibadah haji dan umrah dan menyediakan tempat-tempat ibadah yang selesa bagi kesempurnaan ibadah penduduk di negara ini.

Dalam hal zakat, waqaf dan baitulmal akan diurus dengan lebih cekap dan berkesan. Dalam perkara perundangan di negara ini pula wawasan untuk penyesuaian undang-undang Brunei dengan kehendak syarak, insyaAllah akan disempurnakan menerusi proses yang sedang berjalan pada masa ini.

Dalam pemakanan dan barang gunaan yang dikeluarkan dan dipasarkan di negara ini akan terjamin halal dan suci. Dari segi perkhidmatan pula, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan berusaha mengoptimalkan kemudahan e-Perkhidmatan yang berkesan dan dinamik.

Matlamat Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah untuk memenuhi ekspektasi masyarakat agar agama memainkan peranan yang lebih besar dalam kehidupan yang semakin kompleks akibat kemajuan pesat ilmu pengetahuan, sains, perubatan dan teknologi tinggi serta cabaran-cabarannya yang menunjanginya.

Penyediaan Rancangan Strategik baru Kementerian Hal Ehwal Ugama ini menjadi sangat penting agar arah tuju perancangan dan pengurusan sumber-sumber utama Kementerian lebih teratur, berkesan dan jelas, terutama dari segi pembangunan infrastruktur, Rancangan Kemajuan Negara, penyediaan peruntukan bojet dan penyediaan sumber tenaga, penyusunan tugas-tugas dan peranan utama organisasi lebih berdaya saing, menepati kehendak semasa dan dinamik, boleh disukat, mampu untuk dilaksanakan, realistik dan mudah dicapai.

Di samping itu, Rancangan Strategik ini juga akan memandu tenaga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenaposti objektif dan matlamat jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang Kementerian serta mempunyai kefahaman yang tinggi mengenainya. Dalam pelaksanaannya, kita setentunya akan melihat sejauh mana akan ada kemampuan merancang dan melaksanakan program pencejahan yang bersepada, komprehensif dan jitu, berdaya tahan dan siap sedia mendeponi isu dan cabaran. Maka di situ lah letak kepentingan iltizam yang tinggi dari semua pihak yang berkenaan untuk berusaha mencapai wawasan Brunei 2035.

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam
Jemadilawal 1431/Mei 2010



Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Mac 2009, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menubuhkan Urusetia Rancangan Strategik di Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, sebagai salah satu usaha ke arah memberkesankan lagi perlaksanaan Rancangan Strategik, serta diberi tanggungjawab untuk meneliti dan menilai semula Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2004-2009, bagi mengenalpasti punca dan fakta-fakta yang boleh membantu memperbaiki kelemahan dan menyelesaikan masalah dalam tempoh 5 tahun perlaksanaannya.

Pada Mei 2009, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menubuhkan Kumpulan Petugas Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama, untuk membina dan membentuk satu komponen Rancangan Strategik Kementerian bagi tempoh 5 tahun ke depan, yang lengkap dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Balanced Scorecard serta isu dan cabaran-cabarannya yang akan dihadapi dalam perlaksanaannya, dan mengenalpasti rakan-rakan strategik dari agensi lain yang akan saling bekerjasama dan mendukung bagi menjayakan perlaksanaan Rancangan Strategik ini.

Dalam tempoh 5 tahun ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utamanya (KPI) dan sasaran-sasaran yang akan dicapai berdasarkan kepada program-program, projek-projek dan aktiviti yang dirancang sesuai dengan objektif yang telah ditetapkan dalam pelan Rancangan Strategik Kementerian. Tercapainya rancangan strategik ini, perlu diperkuat dengan sokongan dan kerjasama rakan strategik yang lain selaras dengan Wawasan Negara 2035. Seluruh warga Kementerian diharap akan dapat menumpukan fokus utama dalam keberhasilan Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014 kepada program-program, projek-projek dan aktiviti yang antaranya adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan langkah-langkah ke arah menjadikan persekolahan ugama wajib bagi kanak-kanak berugama Islam di Negara Brunei Darussalam, mulai 2010.
- ii. Meningkatkan pembangunan kapasiti institusi zakat dengan menubuhkan sebuah entiti zakat, wakaf dan baitulmal, dan mempelbagaikan Program Pengupayaan Asnaf Zakat. Ini termasuklah meningkatkan kecekapan pengurusan aset-aset wakaf dan baitulmal.
- iii. Menyediakan Pusat Islam (Islamik Hub), iaitu satu konsep kawasan yang dibangunkan, mengandungi masjid, sekolah ugama, tempat riadah dan pelbagai perkhidmatan Islam, yang akan dibina di setiap daerah.
- iv. Mengoptimalkan penggunaan saluran Media Baru (New Media) sebagai salah satu strategi penyebaran da'wah dan syiar Islam khususnya kepada sasaran utama iaitu para belia.
- v. Menaiktaraf Pusat Da'wah Islamiyah menjadi sebuah Institusi Kefahaman Islam, akan dapat menjalankan lebih banyak kajian-kajian ilmiah dalam bidang keugamaan serta memperluas syiar Islam dan memperkasa bidang kajian dan penyelidikan Islam.
- vi. Memperluas dan meningkatkan Infomasni dan perkhidmatan Islam melalui rangkaian e-Islam dengan menyalurkan bahan-bahan dan maklumat yang lengkap dari lahir hingga akhir hayat (cradle to grave).
- vii. Memperkasa projek USAI (Upgrading and Sustaining of Assets and Infrastructure) dengan mengoptimalkan penggunaan perunitukan yang telah disediakan bagi menaiktaraf infrastruktur-infrastruktur yang terpilih dan menjadikannya berdayatahan serta setanding dengan infrastruktur yang lain.
- viii. Menumpukan kepada pembangunan sumber tenaga manusia dengan melahirkan lebih ramai sumber tenaga manusia pokar dan mahir dalam pelbagai bidang.
- ix. Meningkatkan penggunaan dan memperluas pengiktirafan sijil Halal Brunei di peringkat serantau dan Antarabangsa.

Saya secara peribadi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa dan Urusetia Kumpulan Petugas Penyediaan Rancangan Strategik 2009 serta Kumpulan Editor Rancangan Strategik 2009 dan berbangga dengan usaha gigih semua pihak yang terlibat sehingga terhasilnya buku Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014 ini.

Yong Mulia Haji Awang Md Mahdi bin Pehin Orang Kaya Di Godong Seri Dato Lela Utama Haji Awang Abd Rahman,
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.



...Beta, Insha'Allah akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemelibuaran-Nya...

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya Aidil Adha Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi

Visi

Memperkasa kerasmian dan amalan ugama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi mencapai Negara Zikir dan رب غفور بلدة طيبة (Negara yang aman ma'mur dan Tuhan Yang Maha Pengampun)

Misi

Mendukung dan memelihara ugama Islam dan kerasmianya serta memperkembangkannya melalui dasar-dasar dan pentadbiran yang berkesan dan dinamik bagi pembangunan dan kesejahteraan negara berdasarkan Hukum Syaria', Perlembagaan, Undang-Undang dan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja.



OBJEKTIF STRATEGIK UMUM

PENTADBIRAN:

Meningkatkan perancangan, pengurusan dan pemantauan sumber-sumber utama (aset, maklumat, sumber manusia dan kewangan) dengan lebih bersistematis, berkualiti, efisien, berkesan dan dinamik.



PENDIDIKAN:

- Memperkasa sistem pendidikan dan pelajaran ugama sebagai persekolahan wajib dan mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam sebagai teras dalam SPN21 bagi melahirkan generasi yang berilmu, beriman, beramal, berakhhlak, bertaqwa, berwibawa dan profesional.
- Memperkasa institusi pendidikan ugama sebagai pusat kecemerlangan ilmu di peringkat serantau dan antarabangsa.



DA'WAH DAN SYI'AR:

- Menjadi pusat kefahaman dan penyebaran Islam yang tulen, berwibawa dan dinamik sesuai dengan keadaan, masa dan tempat.
- Menyebarluaskan syi'ar Islam dan mempertingkatkannya sebagai penghayatan bagi kesejahteraan negara



OBJEKTIF STRATEGIK UMUM



ZAKAT:

- Memperkuuh pentadbiran dan pengurusan zakat yang berkesan.
- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai hukum, undang-undang dan peraturan zakat.
- Meringankan bebanan fakir miskin dan mengeluarkannya dari kemiskinan melalui agihan dan program-program yang bersesuaian seperti program pengupayaan.



WAQAF DAN BAITULMAL:

- Meningkatkan pengurusan aset waqaf dan baitulmal dan memperkembangkannya.

PEMAKANAN HALAL:

- 
- 
- brunei halal**
- Mempertingkatkan usaha mengawal dan memastikan pemakanan dan barang-barang gunaan yang dikeluarkan dan dipasarkan dalam negeri adalah halal dan suci.
 - Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan halal dan haram dalam pemakanan dan barang gunaan terhadap ibadat.
 - Menjadikan Pensijilan Halal dihayati sepenuhnya di Negara Brunei Darussalam dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

OBJEKTIF STRATEGIK UMUM

HAJI DAN UMRAH:

Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan pengurusan ibadah haji dan umrah bagi mencapai kesempurnaan ibadah jema'ah.

SYARIAH:


Memelihara dan mengawal Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah, memperkuuh institusi keluarga dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.

MASJID:

Memperkasa institusi masjid sebagai pusat ibadah, perkembangan ilmu, kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan serta merealisasikan masjid sebagai syi'ar Islam dan perpaduan ummah.

PERUNDANGAN:

- Meneruskan usaha-usaha menyesuaikan undang-undang Brunei dengan kehendak Hukum Syara'.
- Meningkatkan profesionalisme pendakwaan syar'ie untuk menegakkan keadilan berdasarkan undang-undang dan hukum Syara'.



Melahirkan generasi intelek dan profesional melalui pendidikan Islam.

Nilai-nilai dan ajaran Islam diamalkan dan dihayati.

Da'wah dan Syi'ar Islam tersebar luas.

Aqidah mantap, ibadah sempurna dan akhlak mulia.

OBJEKTIF STRATEGIK KHUSUS

Pengurusan zakat, waqaf dan baitulmal yang berkesan.

Undang-undang Negara sesuai dengan kehendak Syara'.

Pemakanan dan barang gunaan di pasaran dijamin halal dan suci.

Pengurusan e-Perkhidmatan berkesan dan dinamik.

VISI

MEMPERKASA KERASMIAN DAN AMALAN UGAMA ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP
YANG LENGKAP DAN SEMPURNA BAGI MENCAPAI NEGARA ZIKIR DAN

بِلَادَة طَيْبَةٍ وَرَبِّ غَفُورٍ

(NEGARA YANG AMAN MA'MUR DAN TUHAN YANG MAHA PENGAMPUN)

MISI

MENDUKUNG DAN MEMELIHARA
UGAMA ISLAM DAN KERASMIANNYA
SERTA MEMPERKEMBANGKANNYA
MELALUI DASAR-DASAR DAN
PENTADBIRAN YANG BERKESAN DAN
DINAMIK BAGI PEMBANGUNAN DAN
KESEJAHTERAAN NEGARA
BERDASarkan HUKUM SYA'AT,
PERLEMBAGAAN, UNDANG-UNDANG
DAN FALSAFAH NEGARA MELAYU
ISLAM BERAJA

NILAI

- IMAN DAN TAQWA
- TAAT SETIA KEPADA RAJA DAN NEGARA
- AMANAH, ADIL DAN BERINTEGRITI
- KETERBUKAAN DAN AKAUTABILITI
- DEDIKASI DAN PRODUKTIF
- HORMAT MENGHORMATI
- PROFESIONALISME
- BEKERJASAMA
- BERSIKAP POSITIF DAN PROAKTIF
- KREATIF DAN INOVATIF
- BERSIKAP PEMEDULIAN
- ANALITIK

FAKTOR-FAKTOR KEJAYAAN UTAMA

- DASAR DAN UNDANG-UNDANG YANG BERKESAN
- KEPIMPINAN YANG BERWIBAWA DAN BIJAKSANA
- PENGURUSAN SUMBER YANG OPTIMUM
- STRUKTUR ORGANISASI SERTA PROSES KERJA YANG PROGRESIF
- PENGURUSAN PARTISIPATIF
- PENGEMBANGAN MODAL INTELEG
- ICT SEBAGAI PEMUDAH CARA
- RAKAN STRATEGIK
- PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA
- PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN

TUGASAN UTAMA (CORE BUSINESS)


- MEMANTAP DAN MENINGKATKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UGAMA
- MENERAPKAN NILAI DAN PENGHAYATAN AJARAN ISLAM MELALUI PENDIDIKAN
- MEMELIHARA DAN MENGAWAL AQIDAH, IBADAH DAN AKHLAK
- MENYEBARLUASKAN DAKWAH DAN SYI'AR ISLAM
- MENINGKATKAN PENGURUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL
- MENYESUAIKAN DAN MENGGUBAL UNDANG-UNDANG NEGARA DENGAN KEHENDAK SYA'
- MENJAMIN PEMAKANAN DAN BARANG GUNAAN DI PASARAN ADALAH HALAL DAN SUCI

BIDANG FOKUS STRATEGIK (STRATEGIC FOCUS AREAS)

- PENDIDIKAN UGAMA BERKESAN
- AMAR MA'RUF NAHI MUNKAR
- KESELAMATAN SOSIAL TERJAMIN
- UNDANG-UNDANG NEGARA MEMENUHI KEHENDAK SYA'
- PEMAKANAN DAN BARANG GUNAAN ADALAH HALAL DAN SUCI
- PERKHIDMATAN BERKUALITI DAN CEMERLANG

OBJEKTIF STRATEGIK

PETA STRATEGIK



PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) MENGIKUT BIDANG FOKUS STRATEGIK DAN OBJEKTIF STRATEGIK

PENDIDIKAN UGAMA BERKESAN		
Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran (2010-2014)
Melahirkan generasi intelek dan profesional melalui pendidikan	Jumlah pengambilan pelajar program peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam perguruan Islam di KUPU SB	<ul style="list-style-type: none"> • 5 orang peringkat Sarjana dalam setahun • 2 orang peringkat Doktor Falsafah dalam lima tahun
	Jumlah peningkatan pengambilan pelajar peringkat Ijazah Pertama dalam perguruan Islam di KUPU SB	<ul style="list-style-type: none"> • 250 - 400 orang pelajar setahun
	Jumlah huffaz yang dikurniakan biasiswa bagi meningkatkan akademik dalam pelbagai bidang	<ul style="list-style-type: none"> • 5 orang huffaz dalam setahun
	Jumlah pegawai/pelajar yang dikurniakan biasiswa bagi meningkatkan kelulusan akademik	<ul style="list-style-type: none"> • LDP: <ul style="list-style-type: none"> • Sarjana: 7 orang dalam setahun • Doktor Falsafah: 4 orang dalam lima tahun • Dermasiswa: <ul style="list-style-type: none"> • Peringkat ijazah pertama: 150-200 pelajar dalam setahun



Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran (2010-2014)
Nilai-nilai dan ajaran Islam diamalkan dan dihayati	Jumlah tempat ibadah baru di institusi pendidikan ugama yang akan dibina	<ul style="list-style-type: none"> 10 buah bangunan tempat ibadah yang akan dibina di institusi pendidikan ugama
	Peratus dan peringkat umur kanak-kanak memasuki sekolah ugama	<ul style="list-style-type: none"> 100% kanak-kanak berumur 7 tahun ke atas mendapat pendidikan ugama 95% lulus darjah enam sekolah ugama
	Jumlah bangunan baru sekolah ugama kekal/ Arab yang akan dibina/dinaikkan taraf	<ul style="list-style-type: none"> 7 buah bangunan baru sekolah ugama kekal dan 2 buah bangunan baru sekolah arab dibina 2 buah bangunan sekolah arab 42 buah sekolah ugama kekal dinaikkan taraf
	Peratus peningkatan penduduk berugama Islam yang dilibatkan dalam program pembelajaran ugama sepanjang hayat.	<ul style="list-style-type: none"> 20% penduduk berugama Islam dalam masa setahun.
	Jumlah pasangan ibu bapa yang mengikuti program baru pembangunan keluarga Islam dan jumlah remaja yang mengikuti program pembangunan sosial.	<ul style="list-style-type: none"> 200 pasangan ibu bapa mengikuti program baru pembangunan keluarga Islam setahun. 200 orang remaja mengikuti program pembangunan sosial setahun.
	Peratus kanak-kanak persekolahan ugama dan warga perkhidmatan awam yang celiq Al-Quran.	<ul style="list-style-type: none"> 100% Kanak-kanak persekolahan ugama dalam masa setahun. 80% Warga perkhidmatan awam dalam masa 5 tahun.

...Adalah kewajipan Pejabat Ugama laila berusaha pada menanamkan keimanan dan akhlak yang suci murni di dalam jiwa anak-anak dengan menerusi sekolah-sekolah dan dengan laila ajaran-ajaran di kelas-kelas Ugama sama ada di kelas rendah, di kelas menengah dan darjah tinggi dan juga kelas-kelas dewasa ugama sepatutnya mematuhi atau patuh dengan seikhlas-ikhlasnya kepada hukum-hukum dan peraturan-peraturan ugama Islam yang akan membawa kebaikan di dunia dan memberi kebahagian di akhirat."

(Petikan Titah Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien di Majlis Pembukaan Rasmi Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam pada 1 September 1996)

KESELAMATAN SOSIAL TERJAMIN		
Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran (2010-2014)
Pengurusan zakat, waqaf dan baitulmal berkesan	Peratus peningkatan pengeluar zakat harta dan zakat fitrah	<ul style="list-style-type: none"> • 20% Pengeluar zakat harta meningkat dalam masa lima tahun. • Semua orang Islam yang layak yang berada dalam Negara Brunei Darussalam mengeluarkan zakat fitrah setiap tahun
	Peratus asnaf zakat (fakir, miskin, muallaf dan al-gharimin) menerima agihan zakat	<ul style="list-style-type: none"> • 100% asnaf zakat (fakir, miskin, muallaf dan al-gharimin) menerima agihan zakat setiap tahun.
	Peratus/jumlah asnaf zakat (fakir miskin) yang mengikuti setiap program pengupayaan yang dapat menyara diri	<ul style="list-style-type: none"> • 70% asnaf zakat (fakir miskin) yang mengikuti setiap program pengupayaan dapat menyara diri
	Peratus peningkatan pelaburan aset waqaf dan baitulmal	<ul style="list-style-type: none"> • 5% pembangunan dan pengembangan aset waqaf dan baitulmal dalam masa lima tahun.



AMAR MA'RUF NAHI MUNKAR

Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran (2010-2014)
Da'wah dan syi'ar Islam tersebar luas	Jumlah kajian ilmiah yang diterbitkan dan jumlah persidangan dan aktiviti dakwah peringkat antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> Dalam lima tahun: <ul style="list-style-type: none"> 3 tajuk kajian ilmiah diterbitkan 4 persidangan dan aktiviti dakwah antara bangsa
	Jumlah program dakwah media baru (new media) yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> 5 program dakwah menerusi media baru Internet (Blogspot, Facebook, Twitter, Laman web, Email) digunakan dalam masa lima tahun
	Jumlah model hub Islam yang dibina	<ul style="list-style-type: none"> Sebuah model hub Islam dibina bagi setiap daerah dalam masa lima tahun
	Jumlah program serantau dan antarabangsa yang diadakan	<ul style="list-style-type: none"> 7 aktiviti serantau/antarabangsa diadakan dalam masa 5 tahun
Aqidah mantap, ibadah sempurna dan akhlak mulia	Jumlah program Pemahaman / Pengukuhan Aqidah	<ul style="list-style-type: none"> 10 program (2 kali setahun)
	Peratus kes jenayah syariah menurun	<ul style="list-style-type: none"> 20% kes jenayah syariah menurun dalam masa lima tahun
	Peratus peningkatan penduduk berugama Islam yang akan menunaikan ibadah haji	<ul style="list-style-type: none"> 0.5 peratus penduduk berugama Islam yang belum naik haji dapat menunaikan ibadah haji setiap tahun
	Jumlah masjid yang dibangunkan/ dibesarkan	<ul style="list-style-type: none"> 11 buah masjid baru akan dibina 7 buah masjid dibesarkan Menaik taraf 11 buah masjid di bawah projek "USAID"

PEMAKANAN DAN BARANG GUNAAN ADALAH HALAL DAN SUCI		
Objektif Strategik	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran (2010-2014)
Pemakanan dan barang gunaan di pasaran dijamin halal dan suci	Peratus peningkatan penggunaan Sijil Halal dan Label Halal Brunei Darussalam	<ul style="list-style-type: none"> Peratus penggunaan Sijil Halal dan Label Halal yang diiktiraf: <ul style="list-style-type: none"> Restoran: 20% Barang Makanan: 100 % Barang gunaan: 10% Sijil penyembelihan: 100% Luar negeri: 5 - 10%
UNDANG-UNDANG NEGARA MEMENUHI KEHENDAK SYARA'		
Undang-undang Negara sesuai dengan kehendak syara'	Peratus undang-undang yang disesuaikan	<ul style="list-style-type: none"> 10 - 20% undang-undang negara sesuai dengan kehendak syara'
PERKHIDMATAN BERKUALITI DAN CEMERLANG		
Pengurusan e-Perkhidmatan berkesan dan dinamik	Jumlah projek e-Kerajaan yang dilaksanakan	<ul style="list-style-type: none"> 5 Projek e-Kerajaan
	Jumlah sistem e-perkhidmatan Islam yang dibangunkan	<ul style="list-style-type: none"> 6 sistem e-Perkhidmatan Islam baru dibangunkan
	Jumlah e-Pembelajaran Islam yang disediakan	<ul style="list-style-type: none"> 1 kaedah e-Pembelajaran Islam (I-Dirasah)



LANGKAH-LANGKAH SETERUSNYA

Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama 2010-2014 menjelaskan fokus dan hala tuju serta aktiviti yang telah dikenalpasti oleh Kementerian yang akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun ke hadapan. Dokumen ini menggunakan kaedah Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Balance Scorecard serta mengandungi isu-isu dan cabaran yang telah, sedang dan akan dihadapi oleh Kementerian semasa tempoh pelaksanaan Rancangan Strategik ini. Dokumen ini juga akan menjadi sumber rujukan utama dalam pelaksanaan strategi-strategi yang telah digariskan. Rancangan Strategik ini juga menjelaskan pendekatan-pendekatan dan inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bagi menuju dan mencapai Visi dan Misi Kementerian dan Wawasan Brunei 2035. Langkah-langkah berikut di bawah ini akan dilaksanakan bagi merealisasikan maksud tersebut.

Peringkat Kementerian

1. Penubuhan sebuah entiti, Bahagian Dasar, Perancangan dan Penyelidikan, bagi memikul tanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan strategi-strategi yang telah digariskan bagi mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan. Bahagian ini juga akan bertanggungjawab dalam memantau dan membimbing setiap Jabatan dan Bahagian dalam mengimplementasi semua inisiatif yang telah dirancang.
2. Memberi latihan-latihan kepada pegawai-pegawai di Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui bengkel dan taklimat dalam bidang Rancangan Strategik khususnya dalam penggunaan kaedah Balanced Scorecard dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi memastikan warga Kementerian memahami objektif-objektif yang akan dicapai. Mereka akan sekaligus dilengkapi dengan pengetahuan serta kemahiran bagi menjayakan pelaksanaan Rancangan Strategik ini secara keseluruhan.
3. Menyalurkan (cascading) Rancangan Strategik ke peringkat Jabatan dan Bahagian bagi membolehkan semua objektif dilaksanakan mengikut bidang masing-masing

untuk mencapai sasaran-sasaran tertentu sebagaimana Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Ini juga bagi mempastikan projek-projek yang dijalankan oleh setiap Jabatan adalah sejajar (aligned) dengan Rancangan Strategik dan matlamat di peringkat Kementerian.

4. Memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif bagi setiap enam bulan ke setahun, berdasarkan kaedah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dengan mengambil kira isu-isu dan cabaran serta maklum balas yang akan diberikan oleh setiap Jabatan dan Bahagian dari masa ke semasa.

Peringkat Jabatan

1. Membuat dan membina Rancangan Stategik secara keseluruhan di peringkat Jabatan supaya sejajar dengan Rancangan Strategik di peringkat Kementerian.
2. Mewujudkan sebuah kumpulan kerja di setiap Jabatan dan Bahagian yang menjadi penghubung kepada Unit Rancangan Strategik di peringkat Kementerian bagi memantau pelaksanaan Rancangan Strategik dan mengkoordinasi strategi-strategi yang dijalankan sejajar dengan Rancangan Strategik di peringkat Kementerian.
3. Membina mekanisme penyukat, sasaran dan inisiatif bagi mencapai matlamat-matlamat di peringkat Jabatan yang perlu disejajarkan dengan objektif-objektif di peringkat Kementerian.

Dokumen ini juga akan diberikan kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui program-program jerayawara, taklimat dan bengkel, dengan hasrat agar setiap warga Kementerian mengetahui dan memahami hasrat dan sasaran Kementerian bagi tempoh 5 tahun ini, dan dapat sama-sama bersedia melengkapkan diri dan berusaha mengikut bidang tugas masing-masing ke arah menjayakan perlaksanaan Rancangan Strategik bagi mencapai Visi dan Misi Kementerian.

(FOKUS UTAMA) PELAKSANAAN RANCANGAN STRATEGIK 2010-2014

1. Persekolahan Ugama Wajib

Langkah-langkah ke arah menjadikan persekolahan ugama wajib bagi kanak-kanak berugama Islam di Negara Brunei Darusalam yang berumur 7 tahun mulai tahun 2010, adalah salah satu usaha dalam mempastikan generasi akan datang dilengkapi dengan pengetahuan ilmu ugama yang menjadi teras kepada pembangunan modal insan yang sempurna.

2. Entiti Zakat, Waqaf dan Baitulmal

Institusi ini akan terus dikembangkan kapasitinya khususnya dalam sumber manusia, maklumat dan infrastruktur bagi menangani perkembangan pengurusan hal ehwal zakat, wakaf dan baitulmal. Antara strategi utama institusi ini dalam menangani isu jaminan sosial ialah menerusi mekanisme zakat dengan memberikan asnaf fakir miskin bantuan kewangan dan material di samping latihan-latihan kemahiran sara diri bagi mencapai objektif kemiskinan sifar. Kapasiti pengurusan wakaf dan baitulmal juga akan dipertingkatkan bagi mengurus aset-aset wakaf dan baitulmal dengan lebih efisien dan berkesan.

3. Pusat Islam (*Islamic Hub*)

Islamic Hub adalah satu konsep bagi mencapai pengurusan sumber yang optimum dengan pembangunan infrastruktur masjid, sekolah ugama dan pelbagai perkhidmatan Islam akan dibina dalam satu kawasan terpilih di setiap daerah. Konsep ini terbit dari pemikiran untuk mengimarahkan masjid yang peranannya bukan saja sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat kegiatan ugama, dakwah dan kemasyarakatan. Inisiatif ini secara tidak langsung, akan juga menanamkan budaya mesra masjid di kalangan orang Islam terutama para belia.

4. Media Baru (*New Media*)

Pesatnya perkembangan teknologi siber merupakan peluang dan wadah yang dapat dipergunakan bagi menyebarkan da'wah dan syiar Islam untuk menembusi setiap lapisan masyarakat melalui saluran-saluran media baru (*new media*) yang sudah menjadi gaya hidup sehari-hari pada masa ini. Pembangunan infrastruktur media baru akan menjadi saluran maklumat mengenai hal ehwal Islam yang lebih praktikal dan berkesan bagi mendukung visi Kementerian menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna dan sebagai salah satu ruang untuk memantau penyebaran perkara-perkara yang bercanggah dengan ugama dan adat resam masyarakat kita.

5. Institut Kefahaman Islam

Menaiktaraf Pusat Da'wah Islamiah menjadi sebuah institusi kefahaman Islam dan penyelidikan (*think-tank*) dalam bidang keugamaan adalah salah satu inisiatif yang akan menyumbang kepada lebih ramai sumber tenaga manusia pakar dan mahir dalam bidang keugamaan. Di samping aktiviti-aktiviti dakwah rutin yang terus dijalankan dan ditingkatkan, ia juga akan dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam penyebaran syiar Islam yang merangkumi pelbagai aspek da'wah dan pendidikan serta menjadi pusat sumber kepada kajian dan penyelidikan hal ehwal Islam yang berwibawa.

6. Perkhidmatan '*online*' E-Islam

Dalam usaha untuk memastikan masyarakat mempunyai sumber rujukan maklumat tentang Islam bagi panduan di sepanjang kehidupan, sebuah sistem maklumat interaktif akan terus dibangunkan dan dikembangkan atas talian (*online*). Ianya merangkumi maklumat mengenai pengurusan kehidupan seorang muslim dari sejak lahir sehingga akhir hayat (*cradle to grave*). Sistem ini juga akan diisikan dengan maklumat dan perkhidmatan Islam yang akan disediakan oleh agensi-agensi kerajaan lain.

7. Projek USAI (*Upgrading and Sustaining of Assets and Infrastructure*)

Infrastruktur adalah salah satu komponen penting dalam membina persekitaran yang kondusif bagi keberkesanan pengajaran, pembelajaran dan peribadatan. Projek-projek bagi menaiktaraf aset dan infrastruktur sekolah-sekolah dan masjid-masjid yang berdaya tahan sedang dalam proses pelaksanaan bagi menuju ke arah penyediaan persekitaran seperti yang dihasratkan. Lebih daripada \$100 juta telah diperuntukkan bagi projek ini dengan fokus kepada infrastruktur masjid, sekolah ugama, perumahan dan tanah perkuburan Islam.

8. Fokus Rancangan Kemajuan Negara (RKN)

Membina sebuah kompleks khas yang berprestij bagi menempatkan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, merupakan salah satu inisiatif ke arah melahirkan lebih ramai sumber tenaga pengajar yang berkualiti dan profesional. 2 buah sekolah arab dan 7 buah sekolah ugama baru akan dibina di bawah Rancangan Kemajuan Negara secara berperingkat-peringkat agar lebih ramai lagi pelajar yang berpeluang mendapatkan pendidikan ugama secara khusus sehingga ke peringkat pra-universiti serta mahir dalam pelbagai bahasa terutamanya Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. 10 buah masjid juga akan dibina secara berperingkat-peringkat bagi menampung para jemaah untuk keselesaan beribadat dan menjalankan aktiviti bermasyarakat bagi mengujudkan budaya mesra masjid.

9. Pembangunan Sumber Tenaga Manusia

Kualiti sumber tenaga manusia adalah salah satu elemen penting dalam mendukung kejayaan pelaksanaan strategi-strategi yang telah dirancang. Penyediaan sumber tenaga manusia pakar dan mahir adalah salah satu agenda utama Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam membentuk generasi yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran bagi memenuhi kehendak negara. Ini akan dapat dicapai dengan melahirkan lebih ramai sumber tenaga manusia yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang dan bahasa.

10. Pengiktirafan Pensijilan Halal Antarabangsa

Industri Halal global yang semakin membesar dilihat mempunyai peluang (*niche*) bagi menempatkan Negara Brunei Darussalam setanding dengan negara-negara Islam yang lain. Di samping mempertingkatkan dan memperluaskan pensijilan Halal dan Logo Halal Brunei di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan di Negara Brunei Darussalam, usaha juga sedang dilaksanakan bagi memperluaskannya ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Terlaksananya fokus-fokus utama di atas merupakan bidang keberhasilan utama dalam pelaksanaan Rancangan Strategik. Walaubagaimanapun, keberhasilan ini bergantung kepada kerjasama yang padu dengan rakan-rakan strategik dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, sebagaimana yang ditekankan dalam program pensejajaran perkhidmatan awam.

Rancangan Strategik ini bukanlah satu dokumen yang statik tetapi ia akan berubah dan berkembang bagi tempoh 5 tahun ini mengikut kesesuaian dan kehendak semasa, terutama dalam inisiatif-inisiatif dan sasaran-sasaran yang telah digariskan. Walaubagaimanapun, visi dan misi serta objektif-objektif strategik Kementerian akan terus digunakan bagi jangka masa yang lebih panjang. Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama ini diharap akan dapat dikembangkan dan diluaskan lagi bagi program Rancangan Strategik 5 tahun berikutnya sehingga mencapai Wawasan Brunei 2035.

**AHLI JAWATANKUASA
KUMPULAN PETUGAS PENYEDIAAN RANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA 2009**

Penasihat

Yang Mulia Haji Awang Md Mahdi bin POKDGSDDLU Haji Awang Abd Rahman
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Ketua

Yang Mulia Pg Haji Bahrom bin Pg Haji Bahar,
Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Timbalan Ketua

Yang Mulia Pg Haji Mohd Tahir bin Pg Haji Mohd Yusof,
Pengarah Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran

(Mulai 24 Oktober 2009 diganti oleh Awg Ismail bin Chuchu, Pegawai Pentadbir Kanan,
Pemangku Pengarah Pentadbiran)

Ahli

Yang Mulia Dr Hajah Masnon binti Haji Ibrahim
Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Tasim bin Haji Akim
Pengarah Unit Perundangan Islam, Unit Perundangan Islam

Yang Mulia Hajah Zasia binti Sirin
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan,
Ketua Bahagian Dasar dan Inspektorat

Yang Mulia Haji Ismail bin Haji Abd Manap
Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam

Yang Mulia Haji Johar bin Haji Mohammad
Ketua Pendakwa Syarie, Unit Perundangan Islam

Yang Mulia Haji Abd Kahar bin Haji Hussein
Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid

Yang Mulia Haji Mohammad bin Garing
Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah,
Pusat Da'wah Islamiah

Setiausaha Bersama

Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Mohd Hanifah
Pegawai Pelajaran Ugama Kanan

Yang Mulia Haji Mail bin Besar
Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong

Yang Mulia Wardi bin Haji Mohammad Ali
Pegawai Pentadbir Kanan
Pemangku Penolong Pengarah Pentadbiran
(Sehingga Januari 2010)

Urusetia

Yang Mulia Hajah Ramiah binti Haji Abu Bakar
Pegawai Ugama Kanan
(Sehingga Disember 2009)

Yang Mulia Hajah Rusma binti Kepli
Pegawai Pelajaran

Yang Mulia Nooraini binti Haji Ahmad
Pegawai Pelajaran

Yang Mulia Roziah binti Haji Ibrahim
Penolong Pegawai Ugama

Yang Mulia Haji Azmi bin Haji Dullah
Guru Ugama Terlatih

KUMPULAN EDITOR RANCANGAN STRATEGIK KEMENTERIAN HAL EH WAL UGAMA 2009

Penasihat:

Yang Mulia Haji Awang Md Mahdi bin POKDGSSDLU Haji Awang Abd Rahman
Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Ketua Kumpulan:

Yang Mulia Pg Haji Bahrom bin Pg Haji Bahar
Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Ahli-Ahli:

Yang Mulia Pg Haji Anuar bin Pg Seri Indera Pg Haji Ismail
Pegawai Pentadbir Kanan

Yang Mulia Hajah Zasia binti Sirin
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Bahagian Dasar dan Inspektorat

Yang Mulia Ismail bin Haji Chuchu
Pemangku Pengarah Pentadbiran
Jabatan Pentadbiran

Yang Mulia Haji Muhammad bin Garing
Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah
Pusat Da'wah Islamiah

Yang Mulia Haji Abd Manap bin Haji Adam
Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I
Bahagian Perhubungan Awam dan Antarabangsa

Setiausaha Bersama:

Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Mohd. Hanifah
Pegawai Pelajaran Ugama Kanan

Yang Mulia Haji Mail bin Besar
Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat 1
Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong

Urusetia:

Yang Mulia Nooraini binti Haji Ahmad
Pegawai Pelajaran

Yang Mulia Suzana binti Haji Abd Rahman
Pegawai Ugama

Yang Mulia Azni Farida binti Mohd Zulkifli
Pegawai Penyelidik

Yang Mulia Roziah binti Haji Ibrahim
Penolong Pegawai Ugama

Yang Mulia Haji Azmi bin Haji Dullah
Guru Ugama Terlatih

**AHLI-AHLI KUMPULAN PENYEDIAAN RANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA 2010 - 2014**



MAJLIS PERASMIAN DAN BENGKEL FASA PERTAMA (10 - 13 MAC 2009)



**TAKLIMAT BERSAMA YANG BERHORMAT
PEHIN MENTERI HAL EHWAH UGAMA
(30 MAC 2009)**



BENGKEL FASA KEDUA
(7 - 13 APRIL 2009)



**MESYUARAT KUMPULAN PETUGAS RANCANGAN STRATEGIK
(2 APRIL 2009)**

**MUZAKARAH BULANAN KEMENTERIAN (MBK)
(18 & 20 JANUARI / 1 & 4 FEBRUARI 2010)**

